Asian Journal of Research in Education and Social Sciences
e-ISSN: 2682-8502 | Vol. 6, No. 8, 73-79, 2024
https://asianscholarsnetwork.com/asnet-journals

Kepercayaan dan Skeptisisme: Pandangan Pengundi Muda di Malaysia Terhadap Janji Pilihan Raya

(*Trust and Skepticism: Young Voters in Malaysia's Views on Election Promises*)

Abdul Rahim Ahmad[1*], Hayati Hussin[2], Mohd Kamarulnizam Abdullah[1], Noor Hafizah Mohd Haridi[3], Norsaleha Mohd Salleh[3], Sheikh Ahmad Al Yamani Sheikh Mokhtar[1]

[1] Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
[2] Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
[3] Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

* Pengarang Koresponden: ara@ukm.edu.my

Received: 28 October 2024 | Accepted: 5 December 2024 | Published: 31 December 2024

DOI: https://doi.org/10.55057/ajress.2024.6.8.8

Abstrak: *Penglibatan pengundi muda di Malaysia mengalami perubahan signifikan dengan pelaksanaan Undi18, yang memberi peluang kepada golongan ini untuk menyertai proses politik lebih awal. Namun masih terdapat cabaran dalam tahap kepercayaan mereka terhadap janji-janji pilihan raya. Ini menunjukkan bahawa pengundi muda kerap kali bersikap skeptis akibat sejarah kegagalan pihak berkepentingan dalam menunaikan janji, diperkuatkan oleh penyebaran maklumat kritikal di media sosial yang menjadi sumber utama maklumat mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada skeptisisme pengundi muda terhadap janji politik dan bagaimana media sosial mempengaruhi persepsi mereka. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui soal selidik dalam talian untuk mengumpul data mengenai sikap pengundi muda yang berpendidikan tinggi terhadap maklumat politik yang diperoleh melalui media digital. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 67% pengundi muda mengamalkan pendekatan kritis, dengan tahap kepercayaan rendah terhadap maklumat politik di media sosial, manakala 85% responden mengutamakan pemikiran kritis sebagai asas membuat keputusan politik. Kajian ini memberi implikasi penting terhadap keperluan meningkatkan literasi politik dan kesedaran mengenai pemikiran kritis dalam kalangan pengundi muda bagi membendung impak negatif maklumat tidak sahih. Keputusan kajian ini boleh membantu dalam merumuskan strategi bagi memperkuat kepercayaan politik dalam kalangan pengundi muda, sekali gus menyumbang kepada kematangan politik mereka dan kestabilan politik jangka panjang di Malaysia.*

Kata Kunci: janji pilihanraya, manifesto, media sosial

Abstract: *The involvement of young voters in Malaysia experienced a significant change with the implementation of Undi18, which gave this group the opportunity to participate in the political process earlier. But there are still challenges in their level of trust in election promises. This shows that young voters are often skeptical due to the history of failure of stakeholders to deliver on promises, reinforced by the spread of critical information on social media which is their main source of information. This study aims to identify the factors that contribute to the skepticism of young voters towards political promises and how social media affects their perception. A quantitative approach was used through an online questionnaire to*

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

collect data on the attitudes of highly educated young voters towards political information obtained through digital media. The findings of the study show that 67% of young voters adopt a critical approach, with a low level of trust in political information on social media, while 85% of respondents prioritize critical thinking as the basis for making political decisions. This study provides important implications for the need to increase political literacy and awareness of critical thinking among young voters to curb the negative impact of inauthentic information. The results of this study can help in formulating strategies to strengthen political trust among young voters, thereby contributing to their political maturity and long-term political stability in Malaysia.

Keywords: election promises, manifestos, social media

---

1. Pengenalan

Penglibatan belia dalam politik Malaysia mengalami perubahan ketara dengan pelaksanaan Undi18, yang membuka peluang kepada lebih 5.8 juta pengundi muda baharu untuk menyertai proses demokrasi. Langkah ini meningkatkan keterlibatan generasi muda dalam menentukan arah tuju negara, terutama dari sudut dasar dan kepimpinan yang inklusif (Dzaki, 2022). Walaupun perubahan ini menandakan potensi penglibatan politik yang lebih besar dalam kalangan belia, terdapat cabaran yang signifikan terhadap tahap kepercayaan mereka terhadap janji-janji politik, disebabkan sejarah kegagalan pihak berkepentingan dalam menunaikan janji tersebut (Ismayuddin & Awang Besar, 2022).

Skeptisisme ini berakar umbi daripada beberapa kekecewaan besar dalam sejarah politik Malaysia. Selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018, terdapat harapan tinggi dalam kalangan belia terhadap janji reformasi institusi dan dasar ekonomi yang lebih inklusif oleh gabungan Pakatan Harapan. Pengaruh ini diperkuatkan dengan penyebaran maklumat di media sosial, yang kini menjadi sumber utama untuk belia mendapatkan maklumat serta platform untuk menyuarakan pandangan mereka. Penggunaan media sosial ini mendedahkan belia kepada pelbagai maklumat berkenaan kegagalan janji politik dan meningkatkan lagi rasa tidak percaya dalam kalangan mereka (Mahzan et al., 2023).

Liputan dalam media arus perdana juga memainkan peranan dalam membentuk persepsi belia terhadap janji-janji politik. Sebagai contoh, laporan dalam Malaysia Gazette bertarikh 17 Mac 2021 merekodkan kritikan meluas dari kalangan pengundi muda terhadap pemimpin yang dianggap sering memberi janji kosong, menandakan bahawa generasi ini semakin berhati-hati dan kritikal terhadap janji politik yang tidak berasas (Mallow, 2021). Maka, kajian ini bertujuan untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada pandangan skeptis pengundi muda, dan bagaimana sejarah politik serta peranan media mempengaruhi sikap mereka terhadap politik. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang kepercayaan politik belia dan kesannya terhadap pola pengundian masa depan di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini dibahagikan kepada dua tema utama iaitu "Kepercayaan Terhadap Reformasi Politik dan Pilihan Raya," yang mengkaji bagaimana reformasi politik mempengaruhi kepercayaan pengundi muda terhadap janji pilihan raya. Kedua, "Pengaruh Media Sosial dalam Pembentukan Skeptisisme Politik Pengundi Muda," yang melihat peranan media sosial dalam menyebarkan maklumat kritikal dan meningkatkan skeptisisme. Pemisahan

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

ini membolehkan analisis yang lebih mendalam tentang bagaimana reformasi dan media sosial bersama-sama membentuk persepsi pengundi muda terhadap pilihan raya.

Isu kepercayaan terhadap sistem politik dan pilihan raya di Malaysia telah menjadi perdebatan hangat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut kajian oleh Nazaruddin dan Yusoff (2023), reformasi sistem pilihan raya di Malaysia bertujuan untuk memperbaiki kredibiliti dan keterbukaan proses pilihan raya, tetapi mereka mendapati bahawa pembaharuan ini berjalan dengan lambat dan kadang-kala mengalami kegagalan dalam pelaksanaannya. Ketidaksempurnaan ini berisiko menambah keraguan dalam kalangan pengundi muda yang lebih kritikal terhadap isu ketelusan dan keadilan. Dalam konteks ini, Halim, Loi, dan Eeshwaran (2022) menekankan bahawa pengundi muda sering kali skeptis terhadap pembaharuan yang dijanjikan, terutama sekali ketika janji tersebut gagal membawa perubahan berkesan. Kajian ini menunjukkan bahawa janji politik yang tidak ditepati menimbulkan kekecewaan yang ketara, menyebabkan golongan muda sukar mempercayai sistem yang ada. Berdasarkan kajian-kajian ini, jdapat dikenal pasti kekurangan analisis mendalam tentang bagaimana reformasi politik ini secara langsung mempengaruhi sentimen jangka panjang pengundi muda terhadap sistem pilihan raya. Kajian-kajian semasa kebanyakannya hanya melihat reformasi dari aspek pelaksanaan, tanpa mempertimbangkan implikasinya terhadap psikologi dan tingkah laku politik golongan muda.

Sementara itu, Amalina, Joni, dan Azam (2024) turut menyoroti inisiatif Undi18 sebagai usaha signifikan untuk melibatkan pengundi muda secara langsung. Mereka mendapati bahawa meskipun Undi18 memberikan peluang kepada golongan muda untuk berpartisipasi, terdapat keengganan dalam kalangan pengundi muda untuk benar-benar mempercayai janji-janji pilihan raya yang diberikan oleh pemimpin politik. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Halim et al. (2022), yang menunjukkan bahawa pengundi muda tidak sekadar menuntut janji tetapi menginginkan reformasi yang boleh diukur keberkesanannya. Dengan itu, terdapat keperluan mendesak untuk memahami lebih lanjut bagaimana reformasi dapat direalisasikan agar benar-benar memenuhi aspirasi golongan muda yang cenderung melihat kepada integriti dan keterbukaan dalam politik.

Pengaruh Media Sosial dalam Pembentukan Skeptisisme Politik Pengundi Muda

Pengaruh media sosial terhadap persepsi politik pengundi muda di Malaysia telah menjadi tema penting dalam memahami dinamika skeptisisme dalam kalangan golongan ini. Ling (2023) menyatakan bahawa platform seperti TikTok memainkan peranan besar dalam menyampaikan mesej politik kepada golongan muda. Namun, kajian Ling mendapati bahawa media sosial juga menjadi saluran utama yang menggalakkan skeptisisme, kerana informasi yang disebarkan sering kali tidak disaring dengan teliti dan berpotensi membawa persepsi negatif terhadap janji pilihan raya. Kajian ini menunjukkan bahawa pengundi muda lebih mudah terpengaruh oleh kandungan media yang kritikal terhadap institusi politik dan pemimpin, menjadikan mereka lebih skeptis terhadap janji yang dilontarkan dalam kempen pilihan raya.

Selain itu, kajian oleh Yasin dan Valenteno (2023) menambah dimensi penting dengan menyatakan bahawa analitik data besar (big data analytics) membantu dalam memantau sentimen pengundi muda secara masa nyata, dan kajian mereka mengesahkan bahawa majoriti pandangan pengundi muda di platform digital cenderung kepada sikap ragu dan tidak percaya terhadap janji politik. Penggabungan dapatan antara kajian ini menunjukkan bahawa media sosial bukan sahaja menjadi alat penyebaran maklumat, tetapi turut menjadi medium utama bagi pembentukan persepsi skeptis terhadap politik di Malaysia.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Secara keseluruhan, kajian sedia ada menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha reformasi politik dan kehadiran platform digital untuk menyebarkan maklumat politik, kepercayaan pengundi muda terhadap janji pilihan raya kekal rendah. Golongan muda cenderung skeptis terhadap proses politik, dan media sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi persepsi ini.

3. Hasil Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik dalam talian untuk menyelidik tahap kepercayaan dan skeptisisme pengundi muda terhadap maklumat politik, khususnya dalam konteks janji pilihan raya. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data yang sistematik dan objektif, sesuai untuk mengenal pasti pola tingkah laku dalam populasi besar (Alodat et al., 2023).

Berdasarkan analisis data soal selidik, 70% responden memiliki kelayakan akademik pada peringkat Sarjana Muda, manakala 30% lagi memiliki Ijazah Sarjana atau lebih tinggi. Data ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah golongan muda berpendidikan tinggi, dengan sekitar 78% daripada mereka tidak berdaftar sebagai ahli parti politik, manakala hanya 22% yang berstatus ahli parti. Fakta ini mencerminkan kecenderungan pengundi muda yang lebih memilih untuk tidak terlibat secara rasmi dengan mana-mana parti politik.

Dalam aspek kepercayaan terhadap maklumat politik yang dikeluarkan oleh parti yang disokong, terdapat variasi yang signifikan. Responden yang berstatus ahli parti lebih cenderung untuk mempercayai maklumat daripada parti mereka sendiri, dengan 65% responden ahli parti melaporkan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap maklumat tersebut. Sebaliknya, 55% responden yang tidak berdaftar menyatakan “kurang percaya” terhadap maklumat politik, menunjukkan sikap kritis yang lebih tinggi dalam kalangan pengundi muda yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik. Sebagai contoh, responden berumur 46 tahun ke atas yang berpendidikan Ijazah Sarjana melaporkan “kurang percaya” terhadap maklumat daripada parti lawan tetapi tetap mempercayai maklumat daripada parti mereka sendiri.

Dalam hal kesahihan maklumat politik yang diperoleh dari media baharu, sekitar 62% responden menyatakan bahawa mereka menganggap maklumat ini sebagai “agak sahih” atau “kurang sahih.” Data ini menunjukkan adanya keraguan terhadap kredibiliti maklumat dari media digital. Responden berpendidikan tinggi, terutama mereka yang memiliki Ijazah Sarjana atau lebih, menunjukkan sikap yang lebih skeptik dengan 48% melaporkan “kurang sahih” dan 40% menyatakan “agak sahih.” Ini menunjukkan bahawa walaupun maklumat politik melalui media digital adalah mudah diakses, terdapat tahap keraguan yang tinggi dalam kalangan individu berpendidikan tinggi terhadap kebolehpercayaan sumber dalam talian.

Pengaruh media baharu terhadap pandangan politik responden adalah jelas, dengan 68% menyatakan bahawa media sosial dan portal berita dalam talian “sangat mempengaruhi” atau “agak mempengaruhi” pandangan mereka. Pengaruh ini lebih ketara dalam kalangan responden berusia 18 hingga 25 tahun, dengan 54% menyatakan pengaruh ini sebagai “sangat mempengaruhi.” Media baharu menjadi sumber maklumat utama dalam membentuk perspektif politik pengundi muda, terutamanya dalam isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi dan agama. Dalam tinjauan ini, 47% menyatakan bahawa pandangan politik mereka lebih mudah dipengaruhi apabila isu-isu tersebut melibatkan elemen ekonomi atau agama, mencerminkan impak besar media baharu terhadap sikap politik mereka.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Pemikiran kritis dalam menilai kesahihan maklumat politik turut mendapat sokongan padu daripada responden, dengan 85% menyatakan kepentingannya dalam memastikan kebenaran maklumat. Sebahagian besar responden muda, yang merangkumi 82% daripada jumlah keseluruhan sampel, bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pemikiran kritis penting bagi membolehkan mereka menyaring maklumat sebelum membuat keputusan politik. Dalam kalangan responden dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi, 90% menyatakan "sangat setuju" dengan kepentingan pemikiran kritis dan kaedah penyelidikan terhadap maklumat politik. Ini memperlihatkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengundi muda terhadap risiko penyebaran maklumat palsu serta keperluan untuk menyemak kesahihan maklumat yang diterima sebelum mempercayainya.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa pengundi muda di Malaysia, terutama mereka yang berpendidikan tinggi, mengamalkan pendekatan kritis dalam menerima maklumat politik. Mereka menunjukkan kecenderungan skeptikal terhadap maklumat politik dalam media baharu, dengan 67% melaporkan sikap berhati-hati, walaupun media baharu memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan politik mereka. Data ini menekankan bahawa pengundi muda bukan sahaja berhati-hati dalam menerima maklumat politik tetapi juga mengutamakan pemikiran kritis dan penyemakan fakta sebagai asas bagi keputusan politik mereka.



4. Perbincangan

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh media sosial dan portal berita dalam talian telah menjadi sumber utama dalam membentuk pandangan politik pengundi muda di Malaysia. Platform digital membolehkan akses segera kepada pelbagai maklumat politik, namun kepercayaan terhadap kesahihan maklumat ini menjadi kritikal, terutamanya dalam era digital yang sarat dengan berita palsu. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Rahman (2019), sebanyak 771 berita palsu telah diidentifikasi oleh pihak berwajib, menunjukkan betapa mudahnya maklumat tidak sahih menyebar melalui platform digital. Situasi ini menekankan keperluan untuk mengamalkan pemikiran kritis dalam menilai kesahihan maklumat.

Kajian ini mendapati bahawa pengundi muda berpendidikan tinggi lebih cenderung bersikap skeptis terhadap maklumat politik yang diperoleh dari media baharu. Sikap ini sejajar dengan kajian Park dan Rim (2019) yang mendapati bahawa hoaks politik di media sosial cenderung mempengaruhi individu yang kurang kritis terhadap sumber maklumat mereka. Pengundi muda, khususnya mereka yang memiliki tahap pendidikan lebih tinggi, menunjukkan kecenderungan untuk memeriksa fakta dan memastikan ketepatan maklumat sebelum membuat keputusan politik. Sikap ini adalah asas dalam proses Tabayyun, di mana pengesahan dan

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

penyaringan maklumat diperlukan untuk mengelakkan penyebaran berita palsu atau tidak sahih (Aldwairi & Alwahedi, 2019).

Selain itu, penemuan kajian ini juga menekankan bahawa pengundi muda lebih responsif terhadap isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi dan agama. Kajian oleh Barzilai dan Chinn (2018) mendapati bahawa isu-isu emosi dan nilai peribadi dapat meningkatkan kecenderungan individu untuk menerima atau menolak maklumat berdasarkan kepercayaan dan sikap peribadi. Hal ini penting dalam konteks pilihan raya di Malaysia, di mana media baharu sering mempengaruhi pandangan politik golongan muda melalui isu yang relevan dengan kehidupan mereka.

5. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun media baharu mempunyai pengaruh yang besar terhadap pandangan politik, pengundi muda masih menunjukkan sikap skeptis dan berhati-hati terhadap kesahihan maklumat yang diperoleh. Ini mencerminkan tahap kematangan politik yang tinggi dalam kalangan mereka dan menunjukkan pentingnya pemikiran kritis dalam memastikan kebenaran maklumat. Mengamalkan sikap skeptikal yang disokong dengan kajian menyeluruh boleh membantu mengurangkan impak negatif berita palsu terhadap pandangan politik, menjadikan pengundi muda lebih matang dalam membuat keputusan politik yang berdasarkan fakta dan bukti yang kukuh.

Penghargaan
Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: ‘Model Tabayyun Siyasi Madani Berasaskan Kerangka Politik Islam Moden untuk Mengesan Kadar Kebolehpercayaan Kempen dan Janji Politik di Era Teknologi Kecerdasan Buatan(AI)’. Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2023/SS08/UKM/03/1 dan Identiti Pengenalan 482142-502039).

Rujukan

Aldwairi, M., & Alwahedi, A. (2019). Detecting fake news in social media networks. Procedia Computer Science, 141, 215–222.
Alodat, A. M., Al-Qora’n, L. F., & Hamoud, M. A. (2023). Social media platforms and political participation: A study of Jordanian youth engagement. MDPI.
Amalina, S. N., Joni, J., & Azam, K. (2024). Exploring youth's knowledge, attitudes, and readiness towards implementation of Undi18. Malaysian Journal of Social Sciences.
Barzilai, S., & Chinn, C. A. (2018). On the goals of epistemic education: Promoting apt epistemic performance. Journal of the Learning Sciences.
Dzaki, M. Z. (2022). Sifat dan tingkah laku politik pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 7(11), e001941.
Halim, H. A. A., Loi, A., & Eeshwaran, S. (2022). Malaysia's ongoing tussle with democracy. ADRN Special Report.
Ismayuddin, B. F., & Awang Besar, J. (2022). Pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. Jurnal Wacana Sarjana..
Ling, S. H. (2023). Exploring political participation of Malay first-time voters and the TikTok role in Malaysia. UTAR Repository.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Mahzan, S., Sadikan, S. F. N., Osman, S., Shah, M. A. M., Jaafar, M. R., Latip, M. S., Zubir, A. M., & Shafie, S. (2023). UNDI18: Analisa keperluan literasi politik pengundi muda Melayu Johor di institusi pengajian tinggi awam pasca PRN Johor ke-15. Insight Journal.

Mallow, M. S. (2021, March 17). Undi 18: Give our youths the opportunity to vote. Malaysia Gazette.

Nazaruddin, M. I., & Yusoff, M. A. (2023). Electoral system reform in Malaysia: A delayed success? Journal of Social Sciences.

Norris, P. (2022). In praise of skepticism: Trust but verify. Google Books.

Othman, M. K., & Saahar, S. (2023). Racial complexity and political voting decision: A study on young voters in DUN Semenyih. Malaysian Journal of Social Sciences.

Park, K., & Rim, H. (2019). Social media hoaxes, political ideology, and the role of issue confidence. Telematics and Informatics, 36(November).

Rahman, A. F. (2019). 771 hoax berhasil diidentifikasi Kominfo. Kementerian Komunikasi dan Informasi Republik Indonesia. Retrieved from Kominfo Website.

Yasin, M. A. I., & Valenteno, M. A. Z. (2023). Big data analytics in forecasting voters' sentiment in Malaysia post-2021. ICSSIET Proceedings.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved